31

**UCAPAN PENGHARGAAN DARIPADA WARGA NCRC**
Northern Corridor Research Centre (NCRC)

**Telah Dihantar:** 29 September 2011 15:13
**Kepada:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Sk:** Northern Corridor Research Centre (NCRC)
**Lampiran-lampiran:** image004.jpg (35 KB); image005.jpg (283 KB); image007.jpg (359 KB); image009.jpg (261 KB); image011.jpg (332 KB); image006.jpg (128 KB); image008.jpg (164 KB); image010.jpg (119 KB); image012.jpg (153 KB); image013.jpg (25 KB);

**29 September 2011 / 01 Zulkaedah 1432H**
==================================
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**Syarahan Profesor Adjung NCRC :**
**UCAPAN PENGHARGAAN DARIPADA WARGA NCRC KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT**

Majlis Syarahan Profesor Adjung NCRC telah berlangsung dengan jayanya pada 27 September 2011 di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen UUM yang telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif, Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), Y.Bhg. Dato' Redza Rafiq Abdul Razak.

Beliau telah memberikan syarahannya yang bertajuk "Opportunities in NCER" di hadapan lebih 200 orang hadirin yang terdiri daripada Profesor-Profesor UUM, Pensyarah-Pensyarah , Ketua-Ketua Jabatan , Pegawai-Pegawai serta Kakitangan UUM dan 200 orang pelajar universiti.

Seluruh warga kerja Northern Corridor Research Centre (NCRC) khususnya Pengarah NCRC , Prof.Madya Dr. Rohana Yusof mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua hadirin yang telah sudi melapangkan masa untuk menghadiri majlis Syarahan Profesor Adjung NCRC tersebut.

Pihak NCRC amat berbesar hati di atas sokongan semua yang terlibat dengan majlis tersebut dan beriltizam untuk meneruskan usaha-usaha sebegini pada masa-masa hadapan, demi memberi manfaat kepada sekalian warga kampus.

TERIMA KASIH.